



MANUAL PENGGUNA SISTEM JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN Sistem eLesen

PENGGUNA AWAM: IKLAN - KEMASKINI

31 Mac 2026

Copyright © 2026 by Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

All rights reserved. The reproduction or utilization of the work in any form or by any electronic, mechanical, or other means now known or hereafter invented, including xerography, photocopying and recording, and in any information storage and retrieval system is forbidden without the written permission of the publisher.

Copyright © 2026 by Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Semua hak terpelihara. Pengeluaran semula atau penggunaan karya dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara elektronik, mekanikal atau lain-lain yang kini diketahui atau dicipta selepas ini termasuk xerografi, fotokopi dan rakaman, dan dalam mana-mana sistem penyimpanan dan pengambilan maklumat adalah dilarang tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Table of Contents

1. PENGENALAN.....	5
1.1. SKOP PROJEK	5
1.2. FOKUS PRODUK	5
1.3. APAKAH TUJUAN MANUAL INI?	5
1.4. KEPERLUAN SISTEM.....	5
2. IKLAN – KEMASKINI	6
2.1. HALAMAN UTAMA	6
2.2. KEMASKINI MAKLUMAT.....	7

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Permohonan > Kemaskini..... 6
Rajah 2: Permohonan Kemaskini & Pindaan..... 6
Rajah 3: Kemaskini & Pindaan > Pilih Jenis Kemaskini..... 7
Rajah 4: Kemakini & Pindaan > Maklumat Permohonan..... 8
Rajah 5: Kemaskini & Pindaan > Maklumat Perhubungan..... 9
Rajah 6: Kemaskini & Pindaan > Kadar Bayaran 9
Rajah 7: Kemaskini & Pindaan > Senarai Semak Dokumen Sokongan..... 10
Rajah 8: Kemaskini & Pindaan > Perakuan Pemohon..... 11
Rajah 9: Kemaskini & Pindaan > Cetak Akuan Penerimaan Permohonan..... 12

1. PENGENALAN

1.1. SKOP PROJEK

Pembangunan baharu Sistem eLesen ini menyeluruh dari segi framework, pembangunan modul baharu, menambahbaik fungsi modul sedia ada, pembangunan aplikasi mudah alih bagi semakan lesen dan aktiviti siasatan, portal yang lebih mudah diurus untuk hebahan dan keperluan-keperluan integrasi dengan aplikasi yang berkaitan dengan Sistem eLesen. Pembangunan baharu Sistem eLesen ini juga akan menghasilkan sistem yang lebih stabil berserta pangkalan data yang efektif.

1.2. FOKUS PRODUK

Perkhidmatan Pembangunan Semula Sistem eLesen bertujuan untuk meningkatkan kestabilan proses daripada Sistem eLesen sedia ada untuk memudahkan pengguna sistem khususnya orang awam untuk membuat permohonan, mencetak lesen, semakan, pembatalan, rayuan dan pembayaran secara atas talian (online). Fokus utama projek eLesen ini juga menyediakan integrasi antara kerajaan dan entiti perniagaan untuk mempercepatkan proses pengurusan dan capaian maklumat.

1.3. APAKAH TUJUAN MANUAL INI?

Tujuan manual ini adalah untuk menerangkan prosedur dan navigasi yang perlu diikuti oleh pengguna eLesen. Manual ini menghuraikan setiap prosedur serta memberi penekanan khusus kepada penggunaan skrin dan laporan yang khusus kepada sistem eLesen. Manual pengguna ini juga bertujuan untuk memaksimumkan semua prosedur dilaksanakan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

1.4. KEPERLUAN SISTEM

Seksyen ini menyatakan keperluan minimum untuk menyokong pemasangan dan pengoperasian eLesen dan boleh diakses oleh pengguna dalaman dan pengguna awam. Tujuan utama adalah untuk memastikan sistem berjalan pada platform yang stabil dan serasi dengan infrastruktur sedia ada, bagi menjamin prestasi yang optimum serta keselamatan data pengguna.

Sistem Pengendalian (<i>Operating System</i>) - Untuk capaian <i>desktop</i>	a) Windows 10 atau yang terkini b) MacOS atau versi terkini
Pelayar Web	Google Chrome, Microsoft Edge, dan Mozilla Firefox
Resolusi	1280 x 800 dan ke atas

2. IKLAN – KEMASKINI

Menu ini membolehkan pengguna untuk membuat kemaskini permohonan dan pindaan pada lesen yang telah diluluskan atau dikeluarkan.


2.1. HALAMAN UTAMA

1. Klik pada menu **Permohonan > Kemaskini**.



Rajah 1: Permohonan > Kemaskini

2. Pengguna akan dibawa ke halaman **Permohonan Kemaskini & Pindaan**.



Rajah 2: Permohonan Kemaskini & Pindaan

2.2. KEMASKINI MAKLUMAT

1. Klik pada ikon “>” untuk meneruskan proses kemaskini.
2. **Pilih Jenis Kemaskini**
 - Semak maklumat yang tertera pada bahagian **Jenis Lesen**
 - Klik pada jenis kemaskini yang diperlukan.
 - Klik pada butang **Seterusnya**.

The screenshot shows the 'Permohonan Kemaskini & Pindaan Komposit' page. It includes a progress bar with six steps: 1. Pilih Jenis Kemas Kini (active), 2. Maklumat Permohonan, 3. Maklumat Perhubungan, 4. Kadar Bayaran, 5. Senarai Semak Dokumen Sokongan, and 6. Perakuan Pemohon.

Jenis Lesen

No. Fail: DBKL-JPPP/00410/05/2025/KM01
Kategori Lesen: KOMPOSIT

Jenis Perniagaan

Kod	Jenis Lesen
A401	BANK (MENARA)
A304	PUSAT LATIHAN KEMAHIRAN (UNIT)

Jenis Iklan

Kod	Jenis Iklan
IK01	PAPAN TANDA IKLAN (PREMIS YANG DIKENAKAN LESEN)*

Pilih Jenis Kemas Kini

Bil	<input type="checkbox"/>	Jenis Kemas Kini
1	<input type="checkbox"/>	MAKLUMAT PERMOHONAN
2	<input type="checkbox"/>	KEMASKINI MAKLUMAT AKTIVITI
3	<input type="checkbox"/>	KEMASKINI IKLAN

Seterusnya >

Rajah 3: Kemaskini & Pindaan > Pilih Jenis Kemaskini

3. Maklumat Permohonan

- Semak maklumat yang tertera pada setiap bahagian.
- Masukkan maklumat baharu sekiranya terdapat keperluan untuk kemaskini atau pindaan maklumat.
- Klik pada butang **Draf** bagi menyimpan maklumat yang telah dimasukkan.
- Klik pada butang **Seterusnya** setelah selesai.

Maklumat Pemohon Kemas Kini Profil

Nama Pemohon: MUHAMAD NAZRI BIN MOHD NOOR
Nama Syarikat: DBT TECHNOLOGIES SDN BHD
No. Kad Pengenalan: 891124086275
No. Pendaftaran: 201301032088(1061917-U)
No. Fail: DBKL.JPPP/00410/05/2025/KM01

Maklumat Premis

Nama Premis *
DBT TECHNOLOGIES SDN BHD

Nama Komersial *
DBT TECHNOLOGIES SDN BHD

No. Telefon Premis *
0392021473

Jalan/Lorong *
TAMAN MIDAH - JALAN MIDAH 1

Lot Jalan/Lot Tanah/Taman/Mukim/Daerah/Lain-lain

Nama Bangunan
Sila pilih

No. Unit Premis *
22-03

Poskod *
56000

Negeri
KUALA LUMPUR

Panduan Mengemaskini Longitud dan Latitud Lokasi

1. Tekan 'Buka Peta'.
2. Cari lokasi premis.
3. Klik lokasi premis secara tepat di atas peta.
4. Tekan 'Simpan'.

Pilih Lokasi

Longitud *
101.7301739

Latitud *
3.1032833

Parlimen *

Jenis Bangunan *
KEDAI PEJABAT

Status Pemilikan Premis *
SEWA

Tingkat *
3

Ubahsuai Premis *
Ada Tiada

Rajah 4: Kemaskini & Pindaan > Maklumat Permohonan

4. Maklumat Perhubungan

- Semak maklumat yang tertera.
- Masukkan maklumat baharu sekiranya terdapat keperluan untuk kemaskini atau pindaan maklumat.
- Klik pada butang **Draf** untuk menyimpan maklumat.
- Klik pada butang **Seterusnya** untuk meneruskan proses.

Rajah 5: Kemaskini & Pindaan > Maklumat Perhubungan

5. Kadar Bayaran




- Semak maklumat bayaran yang tertera.
- Klik pada butang **Draf** untuk menyimpan maklumat.
- Klik pada butang **Seterusnya** untuk meneruskan proses.


Premis				Iklan Papan Tanda			
Bil	Jenis Perniagaan	Fi Lesen (RM)	Cagaran (RM)	Bil	Cara Paparan	Fi Lesen (RM)	Cagaran (RM)
1	PEJABAT URUSAN (UNIT)	200.00	0.00	1	PAPAN TANDA IKLAN (PREMIS YANG DIKENAKAN LESEN)*	195.55	0.00
JUMLAH		200.00	0.00	JUMLAH		195.55	0.00

Jumlah Keseluruhan			
Bil	Jenis	Fi Lesen (RM)	Cagaran (RM)
1	PREMIS	200.00	0.00
2	IKLAN PAPAN TANDA	195.55	0.00
JUMLAH KESELURUHAN		395.55	0.00

Rajah 6: Kemaskini & Pindaan > Kadar Bayaran

6. Senarai Semak Dokumen Sokongan













- Semak maklumat yang tertera pada bahagian Senarai Semak Dokumen Sokongan
- Klik pada ikon  untuk memuatnaik dokumen.
- Klik pada ikon  untuk melihat dokumen yang telah dimuatnaik.
- Klik pada ikon  untuk memadam rekod dokumen sokongan.
- Masukkan nota bagi dokumen yang berkenaan pada ruangan Catatan.
- Tandakan pada kotak bagi perakuan dokumen yang telah dimuatnaik.
- Klik pada butang **Draf** untuk menyimpan maklumat.
- Klik pada butang **Seterusnya** untuk meneruskan permohonan



Permohonan Kemaskini & Pindaan Komposit

Pilih Jenis Kemas Kini
 Maklumat Permohonan
 Maklumat Perhubungan
 Kadar Bayaran
 5 Senarai Semak Dokumen Sokongan
 Perakuan Pemohon

Senarai Semak Dokumen Sokongan

Bil	DOKUMEN SOKONGAN	CATATAN	TINDAKAN
1	1 VISUAL IKLAN PAPAN TANDA BERWARNA TERKINI YANG TELAH DISAHKAN OLEH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA SERTA GAMBAR LOKASI PEMASANGAN IKLAN (TAMBAHAN IKLAN)	Double-click to edit this note	 
2	DOKUMEN KEMASKINI *	Double-click to edit this note	 
3	2 KEPING GAMBAR AKTIVITI YANG INGIN DITAMBAH DARI SUDUT BERLAINAN (TAMBAHAN AKTIVITI)	Double-click to edit this note	 
4	1 SALINAN PENDAFTARAN SYARIKAT/PERNIAGAAN/PERTUBUHAN (BORANG 9, 24 & 49 ATAU BORANG D BESERTA MAKLUMAT PERNIAGAAN & PEMILIK) *	Double-click to edit this note	 
5	SALINAN LESEN PREMIS TERKINI *	Double-click to edit this note	 
6	SALINAN KAD PENGENALAN DEPAN & BELAKANG *	Double-click to edit this note	 

[Contoh Dokumen Sokongan](#)

Saya akui semua maklumat yang diberi adalah benar. Saya berjanji akan mematuhi segala syarat dan peruntukan undang-undang yang berkenaan dengan pengeluaran lesen.

Saya bersetuju sekiranya maklumat yang diberi adalah palsu atau saya gagal mematuhi syarat-syarat pengeluaran lesen, Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak untuk menolak / membatalkan permohonan lesen ini.

[Kembali](#)

Rajah 7: Kemaskini & Pindaan > Senarai Semak Dokumen Sokongan

7. Perakuan Pemohon

- Semak pernyataan pada bahagian **Perakuan Pemohon**.
- Tandakan pada kotak bagi perakuan data yang telah dimasukkan.
- Klik pada butang **Draf** untuk menyimpan maklumat permohonan.
- Klik pada butang **Hantar** untuk menghantar borang permohonan.

The screenshot displays the 'Perakuan Pemohon' (Applicant Declaration) step within the 'Permohonan Kemaskini & Pindaan Komposit' (Composite Renewal & Amendment) process. The navigation bar at the top includes 'Dashboard', 'Permohonan', 'Pengurusan Permohonan', and 'Profil'. The process progress bar shows five steps: 'Pilih Jenis Kemas Kini', 'Maklumat Permohonan', 'Maklumat Perhubungan', 'Kadar Bayaran', and 'Senarai Semak Dokumen Sokongan', with the current step 'Perakuan Pemohon' highlighted in blue. The main content area is titled 'Perakuan Pemohon' and contains the following text:

Saya mengakui bahawa butiran Individu & Syarikat yang saya masukkan adalah yang terkini, tepat dan benar.
Dengan ini saya **MUHAMAD NAZRI BIN MOHD NOOR** No. Kad Pengenalan **XXXXXX-XX-6275** mengaku dan mengesahkan bahawa:

- Segala maklumat yang diberikan adalah benar.
- Aktiviti perniagaan tidak akan diubah atau ditambah tanpa kebenaran Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- Tidak menjalankan sebarang aktiviti yang menyalahi syarat lesen yang dikeluarkan oleh DBKL.
- Mematuhi segala syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan pihak berkuasa yang berkaitan.
- Saya bersetuju memberikan kebenaran untuk pihak DBKL menggunakan data peribadi saya bagi memproses permohonan lesen perniagaan DBKL serta kebenaran untuk pihak DBKL berkongsi maklumat yang telah dilengkapkan oleh saya kepada jabatan / agensi-agensi berkuasa yang berkaitan.

Nota: Anda masih boleh mengemaskini sebelum membuat Perakuan Pemohon.

DBKL menghargai data peribadi pelanggan kami dan memastikan semua data yang terkumpul adalah selaras dengan PDPA (Personal Data Protection Act 2010).

Jika ingkar, lesen saya boleh dibatalkan dan dikenakan tindakan perundangan mengikut peruntukan undang-undang yang dikuatkuasa

Anggaran Kadar Bayaran: **RM 395.55**. (Harga Anggaran Kadar Bayaran bergantung kepada Tarikh Kelulusan).

Saya telah baca, faham dan setuju dengan segala pernyataan di atas.

At the bottom of the form, there are two buttons: 'Kembali' (Back) and 'Draf' (Draft), and a 'Hantar' (Submit) button with a right-pointing arrow.

Rajah 8: Kemaskini & Pindaan > Perakuan Pemohon

8. Cetak Akuan Penerimaan Permohonan

- Semak maklumat yang tertera pada bahagian Cetak Akuan Penerimaan Permohonan.
- Klik pada butang Cetak Akuan untuk mencetak dokumen, ATAU;
- Klik pada butang Kembali ke Dashboard untuk kembali ke halaman Dashboard.

The screenshot shows the user interface for printing the application receipt. At the top, there are navigation tabs: Dashboard, Permohonan (active), Pengurusan Permohonan, and Profil. The main content area is titled 'Cetak Akuan Penerimaan Permohonan' and includes a 'Kembali ke Dashboard' button and a 'Cetak Akuan' button.

**JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

AKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN
NO. FAIL: DBKL.JPPP/01473/03/2026/KM01

MAKLUMAT PERMOHONAN

JENIS PERMOHONAN	: PERMOHONAN KEMASKINI DAN PINDAAN LESEN
JENIS LESEN	: KOMPOSIT
TARIKH PERMOHONAN	: 31/03/2026
NO. PENDAFTARAN	: 201301032088(1061917-U)
NAMA SYARIKAT	: DBT TECHNOLOGIES SDN BHD
ALAMAT	: 1, JALAN ALAM DAMAI, 50425 ALAM DAMAI, CHERAS, W.P. KUALA LUMPUR
JENIS PERNIAGAAN	:

KOD	JENIS LESEN	CATATAN
A102	PEJABAT URUSAN (UNIT)	
IK01	PAPAN TANDA IKLAN (PREMIS YANG DIKENAKAN LESEN)*	

PERHATIAN
1. Sebarang pertanyaan mengenai status permohonan tuan boleh dibuat dengan melayari elesen.dbkl.gov.my

b.p Pengarah

Sebarang pertanyaan berkaitan, sila hubungi jabatan di talian: **03-20282000** ke sambungan berkenaan

JENIS LESEN	KOD	JENIS LESEN	KOD
LESEN PREMIS & KOMPOSIT	2529	LESEN PENJAJA	2538
LESEN IKLAN	2542	LESEN PENJAJA	2541
LESEN HIBURAN	2526	LESEN MINUMAN KERAS	2532
LESEN PELELONG	2526	LESEN TEMPAT LETAK KERETA	2526
LESEN MENGGALI SEMULA KUBUR	2525	LESEN PENULIS PETISYEN	2526

**JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**
Tingkat 4, 5 Dan 9, Menara DBKL 2
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
TEL: 03-20282000 FAKS: 03-26923028
<https://elesen.dbkl.gov.my> email: jppp@dbkl.gov.my

Rajah 9: Kemaskini & Pindaan > Cetak Akuan Penerimaan Permohonan

DOKUMEN TAMAT